

OGOS 2020



CASSIA

■ KERJASAMA ■ HORMAT ■ INTEGRITI ■ DINAMISME ■ SEMANGAT

KITA ADA KITA
Kita Jaga Kita





*Dato' Haris Fadzil Hassan
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
FGV Holdings Berhad*

■ NOTA GCEO

Keputusan Kewangan Suku Kedua 2020 FGV

Warga FGV sekalian,

Kumpulan mencatatkan Keuntungan sebelum Zakat dan Cukai (PBZT) sebanyak RM18 juta yang meletakkan kita kembali ke landasan positif untuk 2020.

Tidak dinafikan, kita telah melalui permulaan yang mencabar - dari masalah geopolitik ke pokok-pokok yang kurang memberikan hasil ke pandemik COVID-19, keputusan suku tahunan pertama kita menjadi iktibar agar kita terus berwaspada.

Alhamdulillah, kita berjaya menjual lebih banyak minyak sawit dengan harga yang lebih tinggi pada suku kedua. Kita juga menguruskan kos ke pintu kilang per MT minyak sawit mentah yang lebih rendah hasil daripada pengeluaran yang lebih tinggi dan kos yang lebih optimum.

Keseluruhan prestasi Kumpulan kita menyaksikan Sektor Perladangan mencatat PBZT sebanyak RM47 juta, Sektor Logistik mencatat PBZT sebanyak RM22 juta sementara Sektor Gula mengalami Kerugian sebelum Zakat dan Keuntungan yang lebih rendah sebanyak RM28 juta.

Saya berterima kasih kepada semua petugas yang telah berusaha keras untuk mencapai keputusan ini di dalam waktu yang sangat mencabar. Akibat wabak tersebut, kita tidak punya pilihan selain menyesuaikan diri dengan norma-norma baharu kehidupan dan dalam pada itu berusaha mengekalkan prestasi.

Walaupun menghadapi cabaran sedia ada seperti pensijilan RSPO, harga komoditi yang tidak dapat diramalkan serta cuaca melampau, Kumpulan telah bertahan dan berusaha dengan lebih gigih untuk keputusan yang kita hasilkan hari ini. Saya pasti anda telah pun menyedari bahawa kita telah mengumumkan banyak inisiatif Kumpulan di media massa. Ini merupakan salah satu strategi untuk memaklumkan pemegang saham kita tentang kepelbagaian aliran pendapatan dan aktiviti Kumpulan, selain perniagaan sawit.

Kita telah pun mewujudkan Sektor Barangan Pengguna Cepat Laris (FMCG) yang akan memfokuskan kepada barangan pengguna - makanan dan bukan makanan. Sebagai permulaan, kita memasarkan santan, beras dan gula di bawah jenama SAJI. Akan datang, lebih banyak produk di bawah jenama baharu akan diperkenalkan untuk merancakkan pasaran.

Pada masa yang sama, Sektor Pertanian Bersepadu memberi tumpuan menghasilkan pelbagai tanaman bukan sawit, produk tenusu dan makanan ternakan. Sebagai contoh, kita teruja untuk memulakan projek Lembah Agro Chuping FGV (FCAV) di Perlis untuk menghasilkan tanaman kontan termasuk nanas MD2, ubi kayu, mangga harum manis dan padi. Kita juga memperluas perniagaan produk tenusu dan makanan haiwan ternakan melalui kerjasama strategik.

Dalam mengukuhkan perniagaan teras kita dan mempelbagaikan aliran pendapatan, kita harus waspada terhadap pandemik global yang masih berleluasa serta pelbagai cabaran yang perlu kita hadapi. Namun begitu, saya yakin bahawa perancangan kita mempunyai objektif jelas yang boleh diraih. Tentulah ianya memerlukan sokongan padu dan kerjasama di antara satu sama lain di sepanjang perjalanan kita ini.

Negara kita telah pun menyambut Hari Kebangsaan dan akan disusuli pula dengan Hari Malaysia tidak lama lagi. Saya mengambil kesempatan ini untuk meminta semua warga FGV untuk menyelami semangat hari-hari yang bertuah ini. Untuk menanam semangat gigih nenek moyang kita ke dalam perjuangan kita hari ini, untuk merdeka dari kemelut masa lalu kita, untuk bangkit dengan PRIDE dan untuk mencapai wawasan kita menjadi pemain agribisnes yang berjaya memberikan nilai.

Terima kasih.



Dari kiri: Ketua Pegawai Operasi Sektor Logistik, Azman Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Haris Fadzil Hassan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad, Dato' Khairil Anuar Aziz

FGV CATAT PBZT RM18 JUTA Pada Suku Kedua 2020

PBZT bernilai RM18 juta adalah setelah mengambil peruntukan rosot nilai untuk aset-aset anak syarikat FGV di Kemboja sebanyak RM20 juta, kerana kilang memproses getah menghentikan operasinya disebabkan kerugian berterusan akibat ketidakpastian harga getah global, insentif kerajaan yang tidak menarik, persaingan yang kuat dan peningkatan permintaan untuk getah sintetik.

Untuk tempoh yang dikaji, harga purata CPO sebanyak RM2,309 per

tan metrik (MT), 18% lebih tinggi daripada harga purata CPO yang direalisasikan pada suku kedua 2019 sebanyak RM1,955 per MT. Walaupun harga CPO lebih tinggi, pendapatan Kumpulan untuk tempoh tersebut meningkat sedikit kepada RM3.29 bilion, berbanding RM3.28 bilion pada suku kedua 2019 kerana segmen perniagaan yang lain mencatatkan pendapatan yang lebih rendah.

"Saya gembira melaporkan bahawa prestasi kewangan FGV telah

meningkat dengan ketara. Namun, prestasi keseluruhan dipengaruhi oleh wabak coronavirus yang terus merebak secara global. Hasil daripada peningkatan kecekapan dalam operasi, kami berjaya menormalkan pengeluaran FFB dan CPO selepas permulaan yang agak perlahan tahun ini, walaupun kehilangan FFB yang belum dituai sebanyak 79,000 MT pada suku kedua kerana perintah kawalan pergerakan," Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Haris Fadzil Hassan berkata.

MSM MENUJU KE ARAH PEMULIHAN, Kukuhkan Hasil Melalui Penambahbaikan Margin & Produk Eksport Baharu

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mempamerkan penambahbaikan yang selari ke arah pemulihan bagi Suku Kedua (Q2) berakhir 30 Jun 2020, dengan merekodkan penurunan dalam kerugian bersih secara berturut sejak Suku Keempat (Q4) 2019. Secara progresif, MSM mencatatkan 68% pengurangan dalam jumlah kerugian sebanyak RM 21.55 juta bagi Q2 2020 berbanding RM67.33 juta pada Q2 2019.

MSM turut mengumumkan hasil keseluruhan berjumlah RM959.58 juta pada Separuh Tahun Pertama (1H) 2020, penurunan yang rendah sebanyak RM 0.26 juta berbanding RM959.84 juta pada 1H 2019.

Penurunan dalam jumlah kerugian adalah susulan daripada

penambahbaikan dalam kos-kos pengeluaran di kilang penapisan baru, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd termasuk peningkatan dalam Kadar Penggunaan (UF) kepada 23% pada Suku Kedua 2020 daripada 19% pada suku yang sama tahun lepas. Walaubagaimanapun, prestasi kewangan Kumpulan terus terjejas berikutan susut nilai pada suku tahun yang ditinjau.

Pertumbuhan yang memberangsangkan dalam permintaan pasaran eksport baharu serta purata harga jualan (ASP) yang kukuh terus menyumbang kepada hasil Kumpulan. Di sebalik 10% penurunan dalam jumlah jualan domestik berbanding 1H 2019, ASP bagi segmen pemborong dan Industri meningkat sebanyak 8% dan 2%.



'ABANG SELAMAT'

Kebanggaan Warga FGV

Sifat belas kasihan dan kebaikan yang ditonjolkan oleh Hisham Salleh dalam insiden kemalangan yang dihadapi beliau baru-baru ini telah memberikan inspirasi dan pengajaran bermakna bukan sahaja kepada warga FGV, malah kepada seluruh rakyat Malaysia.

Pada hari kejadian, seperti pada hari-hari lain, beliau memandu kenderaan melalui lebuh raya DUKE *bypass* Jalan Genting Klang untuk ke pejabat Wisma FGV di mana beliau bertugas sebagai Eksekutif Kanan Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar. Malang tidak berbau, tanpa disedari sebuah motosikal yang ditunggangi dua orang warga asing telah merempuh kenderaan beliau di sisi kanan pintu belakang sehingga menyebabkan kedua-dua penunggang motosikal terjatuh di tengah-tengah kesibukan jalan raya.

Daripada bertindak menyalahi dan memarahi penunggang berkenaan, Hisham yang terkenal dengan jolokan 'Abang Selamat' ini sebaliknya memilih untuk memberi pertolongan sewajarnya. Beliau telah membantu memapah penunggang motosikal tersebut ke bahagian kiri jalan raya untuk memastikan keselamatan semua pihak terlibat. Bukan itu sahaja, berbekalkan pengalaman sebagai ahli *Emergency Response Team* Hisham turut memberi bantuan kecemasan awal dengan merawat kecederaan penunggang.

Tindakan beliau telah tular di laman sosial dan diterbitkan di beberapa akhbar tempatan dan dijulung sebagai wira oleh rakyat Malaysia. Namun dengan merendah diri beliau berasakan tidak layak mendapat pujian sebegitu rupa dan menganggap tindakan tersebut merupakan tindakan wajar yang perlu diambil oleh sesiapa pun jika berhadapan dengan situasi sama sepertinya.

"Sekiranya terlibat dalam kemalangan sedemikian, kita seharusnya bersikap lebih rasional dan memikirkan kepentingan nyawa yang terlibat terlebih dahulu tanpa mengira kesalahan sesiapa. Ini adalah kerana nyawa amatlah berharga berbanding kenderaan yang masih boleh dibaiki," kata beliau mengakhiri wawancara.

Syabas diucapkan kepada Hisham Salleh @ Abang Selamat FGV! Inilah sebahagian kisah warga FGV yang bukan sahaja menjadi inspirasi kepada warganya malah sikap prihatin yang ditunjukkan ini seiring dengan nilai-nilai murni yang diterapkan di FGV menerusi PRIDE untuk diamalkan dimana jua kita berada.



“ Memandu antara jam 10 malam hingga subuh;
4X lebih berisiko untuk terlibat dalam
kemalangan maut. ”



#GoHomeSafe

FGV CIPTA PELUANG AGROPRENEUR

Di Chuping Agro Valley, Perlis

FGV Holdings Berhad (FGV) memberi peluang kepada 15 agropreneur tempatan untuk memajukan tanaman nanas MD2 di bawah projek FGV Chuping Agro Valley (FCAV) di Perlis.

FGV memperuntukkan kawasan ladang kontrak seluas 150 ekar untuk penanaman serta menyasarkan 4,000MT penghasilan buah nanas MD2 setahun dengan nilai hasil jualan RM12 juta.

Projek FCAV merangkumi empat segmen utama iaitu ladang kontrak nanas MD2, ladang ubi kayu komersial, ladang mangga harumanis dan lembah tenusu. Ia turut menempatkan kilang makanan haiwan ternakan, kompleks perumahan pekerja dan pusat penyelidikan kelapa sawit.

FCAV bakal dibangunkan mengikut jadual setelah FGV menandatangani memorandum kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada majlis Komitmen Pelaburan di negeri Perlis bersama Menteri Besar Perlis

YAB Dato' Seri Azlan Man, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Dato' Haris Fadzilah Hassan berkata, "Komitmen pelaburan FGV di FCAV yang berjumlah RM100 juta akan menjadikan Perlis pengeluar agro makanan premier negara. Projek ini turut menyokong hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai agropreneur moden yang berpendapatan tinggi, sekaligus merancakkan perkembangan sektor pertanian dan makanan negara".

"FGV juga berbangga dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri Perlis dengan menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Selain tanaman nanas MD2 yang dijangka bermula penghujung tahun ini, projek perintis penanaman ubi kayu secara komersial pula akan bermula pada September 2020," jelas Haris Fadzilah.

Ubi kayu dipilih sebagai salah satu tanaman komersial utama di projek ini untuk

penghasilan kanji yang memiliki permintaan dan nilai komersial tinggi di pasaran dalam dan luar negara. Pengeluaran bahan mentah daripada kanji ubi kayu ini dijangka dapat mengurangkan kebergantungan import kanji negara sebanyak 8% setahun.

Projek FCAV dijangka membawa perubahan besar kepada lanskap industri pertanian di Perlis kerana menggunakan pendekatan Revolusi Industri 4.0. Ia menggabungkan teknologi pertanian terkini seperti penggunaan dron, sistem penanaman dan penuaian secara mekanisasi, konsep pembangunan mampan serta aktiviti bernilai tambah yang tinggi.

Keseluruhan pembangunan projek mengambil masa dua tahun dan akan berfungsi sebagai lokasi pelaburan, peluang pekerjaan, pembangunan modal insan dan keusahawanan. Ia juga bakal mencetuskan industri hiliran bagi pelbagai produk agro terutamanya di Kawasan Perindustrian Lembah Chuping dan negeri Perlis.



Pemanis Alternatif Baharu MSM

MSM Malaysia Holdings Berhad terus memanfaatkan reputasinya sebagai pengeluar gula halus bertapis berkualiti tinggi melalui rangkaian produk pemanis baharu.

Produk baharu ini dikeluarkan di bawah jenama "Premium Prai" termasuk sukrosa rendah kalori, "Go1/2" dan campuran gula stevia, "GoNatura" untuk memenuhi kehendak trend di kalangan pengguna yang memilih gaya hidup yang lebih sihat.

Varian baharu ini sudah berada di pasaran pada Julai 2020 dan akan memasuki rangkaian perdagangan moden tempatan.

Go1/2 adalah gula yang diadunkan dengan sukrosa, pemanis tanpa kalori yang banyak digunakan untuk meningkatkan rasa dalam pelbagai produk makanan dan minuman termasuk minuman ringan. Walaupun mempunyai kadar intensiti tinggi sekitar 600 kali lebih manis daripada gula, sukrosa menyumbang kepada kemanisan tanpa menambahkan kalori atau karbohidrat. Menariknya, Go1/2 memberikan rasa manis kurang gula dengan mengurangkan pengambilan gula menjadi separuh.

Daripada menggantikan gula sepenuhnya dengan stevia, GoNatura melengkapkan sebahagian kecil gula dengan rasa manis semula jadi stevia. Campuran unik ini memastikan rasa yang khas bagi pengguna untuk menikmati kemanisan dengan mengurangkan pengambilan gula.

Go1/2 dan GoNatura dibungkus dalam kotak kecil dengan 50 paket kecil setiap satu untuk penyimpanan yang mudah.

Pada masa ini, kedua-dua boleh didapati di Elewsmart dan juga boleh dibeli secara dalam talian melalui KedaiFGV di Shopee.



PENINGKATAN PERMINTAAN BAJA MENDADAK Disebabkan Aktiviti Perkebunan Sendiri Dan Pertanian Bandar Semasa PKP

“

Sehingga bulan Julai tahun ini, FGV telah berjaya menjual lebih dari 13,000 botol berbanding penjualan 16,000 botol sepanjang tahun lalu.

- Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Dato' Haris Fadzilah Hassan

”



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Dato' Haris Fadzilah Hassan berkata, “Ini adalah trend positif di mana masyarakat lebih peka mengenai jaminan makanan. Ianya memberi kami peluang untuk meneroka pasaran pengguna dengan produk sedia ada yang telah dihasilkan selama bertahun-tahun. Inisiatif kami ke segmen produk pengguna akan mewujudkan kepelbagaian, menambah nilai dan penembusan pasaran baru.”

Untuk memenuhi permintaan baharu bagi pembelian runcit, FGV mulai membungkus formulasi bajanya dalam botol 1kg untuk tanaman rumah, pohon buah-buahan, tanaman hiasan dan tanaman lanskap dengan jenama SB45: Baja Pengkalak Bunga dan Buah.

Pada bulan Julai, FGV juga telah memformulasikan jenama SF65: Baja Subur, yang sesuai untuk sayur-sayuran dan juga buah-buahan.

Kedua-dua baja ini diformulasikan untuk memperoleh pengeluaran yang berkualiti untuk pohon buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman. Ia merangsang penghasilan buah untuk pohon buah-buahan dan membantu tanaman lain membangunkan daya tahan terhadap penyakit, yang merupakan faktor penting untuk menggalakkan pertumbuhan tanaman.

“Lonjakan minat dalam aktiviti perkebunan di rumah dan pertanian bandar sepanjang tempoh PKP telah memberi peluang kepada FGV untuk mengembangkan perniagaan bajanya.

Kami menasaskan untuk menjual 40,000 botol baja sebatian pada tahun 2021. Selain itu, kami juga akan mengumumkan siri baja organik untuk memenuhi permintaan pengguna yang luas,” tambah Haris Fadzilah.

Dengan kepakaran industri lebih 30 tahun, FGV adalah salah sebuah pengeluar baja sebatian terbesar di Malaysia, dengan kilang pengeluaran pertama di dunia yang mempunyai fleksibiliti untuk menghasilkan sebatian berasaskan Urea atau Ammonium Sulphate. Kilang ini dibina dengan bantuan pakar daripada Pusat Pembangunan Baja Antarabangsa, dan ini menjadikan FGV sebagai pengeluar baja sebatian yang unik dan sangat kompetitif di rantau ini.

TAHNIAH

PEMENANG SELFIE / WEFIE #NEGARAKU



Nurul Syahida Abdul Razak
FGVHB - LSB



Ruddie Royussat Desmon Japar
FGVPM - Sampadi



Mohd. Fazli Mohd. Shah
FGVHB



Qurrata A'yun Ibrahim
FGVPM - Bera



Zuraida Ariffin
FGVHB - LSB



Mohammad Nizar Zainol Abidin
FGVHB



Nur 'Izzah Ujang
FGVHB



Zetty Julia Muhamad Ghawas
FGVT



Muhammad Najib Ab Manan
FGVHB



Anizatun Faezah Muhamad
FGVPM - Kuala Lipis

* Para pemenang akan dihubungi oleh Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan

PERADUAN RESIPI SAJI PASTI MENJADI

Anda suka memasak? Suka mencuba resipi-resipi baru? Kini, anda boleh menggunakan produk terbaru SAJI keluaran FGV iaitu **Santan Kelapa SAJI** dan **Gula Kasar SAJI** dalam hidangan anda dan sertai peraduan **Resipi SAJI, Pasti Menjadi**.

Hantarkan **foto menu beserta resipi** anda beresolusi sekurang-kurangnya **2MB sebelum 30 September ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com**.

Foto dan resipi paling menarik akan menerima hadiah istimewa barangan keluaran FGV.

Penyertaan terbuka kepada semua petugas Kumpulan FGV (termasuk anak-anak syarikat dan syarikat bersekutunya). Jangan lupa sertakan nama penuh, emel dan nombor telefon untuk dihubungi.

TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan
groupstrategiccomms@fgvholdings.com

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

